



## KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,  
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Telefon : 03 - 8090 4681

### SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA, SIRI 5/2025

#### **Momentum Ekonomi Berterusan pada Awal 2025 dengan Pertumbuhan KDNK 4.4 Peratus dan Inflasi yang Mereda**

**PUTRAJAYA, 30 MEI 2025** – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mengeluarkan **Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR), Siri 5/2025**. Edisi ini memberi tumpuan kepada statistik terkini yang dikeluarkan pada Mac 2025 dan beberapa statistik akan datang untuk April 2025. Selain itu, edisi ini turut memuatkan artikel tambahan bertajuk "Menelusuri Perkembangan Sektor Perdagangan Borong dan Runcit Malaysia, 1970 – 2022", yang mengupas peralihan negara ke arah ekonomi moden dan berorientasikan penggunaan, mencerminkan perubahan struktur yang dipacu oleh proses urbanisasi, peningkatan pendapatan dan adaptasi teknologi digital.

Persekitaran global kekal tidak menentu susulan pelaksanaan tarif secara menyeluruh oleh Amerika Syarikat pada bulan April, yang mencetuskan pelbagai reaksi balas. Sebagai respons, *International Monetary Fund* (IMF) telah menyemak semula unjuran pertumbuhan global bagi tahun 2025 kepada 2.8 peratus, lebih perlahan berbanding unjuran terdahulu 3.3 peratus dan kekal di bawah purata jangka panjang sebanyak 3.7 peratus.

Dalam persekitaran luaran yang mencabar, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia meningkat 4.4 peratus pada suku pertama tahun 2025, perlahan berbanding pertumbuhan 4.9 peratus yang dicatatkan pada suku sebelumnya. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh prestasi kukuh dari segi penawaran, yang dipacu oleh sektor Perkhidmatan, diikuti oleh sektor Pembuatan dan Pembinaan. Secara bulanan, ekonomi berkembang 3.5 peratus pada Januari dan 3.6 peratus pada Februari, sebelum meningkat kepada 6.0 peratus pada Mac 2025."

Menunjukkan momentum stabil dalam aktiviti perindustrian, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia meningkat 3.2 peratus tahun ke tahun pada Mac 2025,

disokong oleh peningkatan pengeluaran dalam sektor Pembuatan dan Perlombongan masing-masing sebanyak 4.0 peratus dan 1.9 peratus. Walau bagaimanapun, sektor Elektrik yang mencatat penyusutan 2.7 peratus, telah memperlahangkan prestasi keseluruhan. Secara bulan ke bulan, IPP mencatat kenaikan kukuh 9.3 peratus, mencerminkan pemulihan jangka pendek di peringkat subsektor utama. Pada suku pertama 2025, IPP bertumbuh sederhana pada 2.3 peratus berbanding 3.4 peratus pada suku sebelumnya, diterajui oleh sektor Pembuatan yang berkembang 4.2 peratus.

Melihat secara lebih menyeluruh, sektor Perkhidmatan Malaysia mencatatkan hasil berjumlah RM630.0 bilion pada suku pertama tahun 2025, menunjukkan peningkatan 6.0 peratus tahun ke tahun, dengan Indeks Volum Perkhidmatan meningkat 5.2 peratus kepada 158.3 mata. Dari suku ke suku, kedua-dua hasil dan volum mencatatkan kenaikan sederhana dengan masing-masing meningkat 0.3 peratus dan 0.5 peratus. Segmen Perdagangan Borong dan Runcit, Makanan dan Minuman, serta Penginapan kekal sebagai pamacu utama, menyumbang hasil sebanyak RM475.7 bilion (naik 5.3 peratus) dan peningkatan 4.7 peratus dalam Indeks Volum kepada 157.2 mata.

Dalam iklim ekonomi yang stabil, kadar inflasi Malaysia susut sedikit kepada 1.4 peratus pada Mac 2025 berbanding 1.5 peratus pada Februari, berikutan daripada kenaikan harga yang lebih perlahan dalam kumpulan penjagaan peribadi (3.6%), restoran dan penginapan (2.9%), serta kos berkaitan perumahan (1.9%). Bagi suku pertama, inflasi meningkat 1.5 peratus tahun ke tahun, menurun daripada 1.7 peratus pada suku yang sama tahun 2024, menunjukkan tekanan kos yang sederhana dalam kategori pengguna utama. Dari segi penawaran, Indeks Harga Pengeluar (PPI) merosot 1.9 peratus pada Mac, berbanding kenaikan 0.3 peratus pada Februari. Penurunan ini didorong oleh penyusutan dalam sektor Perlombongan (-15.0%), Pembuatan (-1.8%) serta bekalan Elektrik dan gas (-0.5%). Bagi suku tersebut, PPI jatuh 0.3 peratus, terus mencatatkan trend penurunan dari 0.8 peratus pada suku sebelumnya, menandakan kos input yang lebih sederhana merentasi sektor huluhan. Pada April 2025, kadar inflasi Malaysia meningkat kepada 1.4 peratus manakala PPI terus menurun 3.4 peratus.

Sektor perdagangan Malaysia terus mengukuh pada Mac 2025, dengan jumlah perdagangan meningkat 2.2 peratus kepada RM249.9 bilion, menggambarkan keterhubungan ekonomi negara yang berterusan dalam rantai global meskipun berdepan ketidaktentuan pasaran dunia yang berpanjangan. Prestasi eksport kekal kukuh, meningkat 6.8 peratus kepada RM137.3 bilion, disokong oleh permintaan luar yang berterusan terhadap komoditi utama dan barang pembuatan. Sebaliknya, import mencatat penurunan 2.8 peratus kepada RM112.6 bilion, yang telah menyumbang secara signifikan kepada lebihan dagangan. Hasilnya, lebihan dagangan

melonjak 94.4 peratus tahun ke tahun, mencecah RM24.7 bilion, menandakan pemulihan yang kukuh yang menambahbaik dinamik perdagangan. Melihat kepada perspektif yang lebih luas, jumlah perdagangan bagi suku pertama 2025 meningkat 3.6 peratus, sejajar dengan pertumbuhan eksport 4.4 peratus dan import 2.8 peratus. Kesan kumulatif ini membawa kepada pengembangan lebihan dagangan suku tahunan 20.1 peratus, yang telah berkembang kepada RM41.0 bilion, mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab perdagangan serantau yang berdaya saing dalam persekitaran perdagangan global yang sentiasa berubah.

Mengulas mengenai prestasi pasaran buruh Malaysia, beliau menyatakan bahawa, "Keadaan pasaran buruh terus bertambah baik pada suku pertama 2025, sekali gus mengukuhkan momentum ekonomi yang stabil. Bilangan guna tenaga meningkat 3.0 peratus tahun ke tahun, menjadikan jumlah pekerja seramai 16.7 juta orang. Nisbah guna tenaga kepada penduduk, yang mencerminkan keupayaan ekonomi untuk menjana pekerjaan, meningkat kepada 68.6 peratus berbanding 68.2 peratus dalam tempoh yang sama tahun lalu. Seiring dengan trend positif ini, kadar pengangguran menurun 0.2 mata peratus kepada 3.1 peratus, menandakan permintaan buruh yang lebih kukuh merentasi sektor utama. Dari segi permintaan buruh pula, trend kekal positif apabila bilangan pekerjaan dalam sektor ekonomi meningkat 1.4 peratus kepada 9.06 juta pekerjaan, berbanding 8.94 juta pekerjaan pada suku pertama 2024."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menekankan bahawa Indeks Pelopor (IP) meningkat 0.6 peratus tahun ke tahun kepada 112.5 mata pada Mac 2025, menunjukkan momentum ekonomi yang berterusan, disokong oleh pertumbuhan kukuh dalam kelulusan projek perumahan (27.8%) dan import semikonduktor (22.3%), walaupun mencatat penurunan kecil secara bulanan 0.04 peratus. Walaupun arah aliran jangka panjang masih berada di bawah ambang 100 mata, indeks ini menunjukkan keadaan asas ekonomi yang stabil. Ini memberi isyarat bahawa ekonomi Malaysia berkemungkinan akan mengekalkan pertumbuhan sederhana, dipacu oleh asas ekonomi yang berdaya tahan serta langkah fiskal yang cekap.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) terus komited dalam menyediakan statistik ekonomi yang berkualiti, tepat pada masanya dan relevan bagi menyokong pembangunan negara. Edisi Khas MESR kini boleh dimuat turun di laman web rasmi DOSM di [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my).

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengaruhi Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkuat kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan pada jam 1200, Jumaat, 30 May 2025**

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
30 MEI 2025**

## Lampiran 1: Petunjuk Ekonomi Suku Tahunan


### Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)

**4.4%**  
ST1 2025




### Kadar Pengangguran

**3.1%**  
ST1 2025




### Pengeluaran Buah Tandan Segar

**-3.3%**  
ST1 2025




### Pengeluaran Getah Asli

**9.3%**  
ST1 2025




### Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

**2.3%**  
ST1 2025




### Nilai Jualan Sektor Pembuatan

**4.0%**  
ST1 2025




### Indeks Volum Perkhidmatan

**5.2%**  
ST1 2025




### Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit

**4.3%**  
ST1 2025




### Eksport

**3.0%**  
ST1 2025




### Import

**1.0%**  
ST1 2025




### Indeks Harga Pengguna (IHP)

**1.5%**  
ST1 2025



### Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan

**-0.3%**  
ST1 2025



# MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,  
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,  
62514 Federal Territory of Putrajaya  
Telephone : 03 - 8090 4681

## ***MALAYSIA ECONOMIC STATISTICS REVIEW, VOLUME 5/2025***

### ***Economic Momentum Continues in Early 2025 with 4.4 per cent GDP Growth and Easing Inflation***

***PUTRAJAYA, 30<sup>TH</sup> MAY 2025 – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the Malaysian Economic Statistics Review (MESR), Volume 5/2025. This edition focuses on the recent statistics released in March 2025 and some forthcoming statistics for April 2025. Furthermore, this edition features an additional article titled “Unfolding the Development of Malaysia’s Wholesale and Retail Trade Sector, 1970 – 2022”, which highlights the country’s transition to a modern and consumption-driven economy, reflecting structural shifts driven by urbanisation, rising incomes and digital adoption.***

*The global environment remains volatile following the United States' implementation of broad tariffs in April, which triggered widespread retaliatory measures. In response, the International Monetary Fund (IMF) revised its global growth forecast for 2025 to 2.8 per cent, softening from the earlier projection of 3.3 per cent and notably below the long-term average of 3.7 per cent.*

*Amid external challenges, Chief Statistician Malaysia, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mentioned, “Malaysia’s Gross Domestic Product (GDP) grew by 4.4 per cent in the first quarter of 2025, easing from the 4.9 per cent expansion recorded in the preceding quarter. This growth was mainly supported by robust supply-side performance, led by the Services sector, followed by the Manufacturing and Construction sectors. On a monthly basis, the economy expanded by 3.5 per cent in January and 3.6 per cent in February, before accelerating to 6.0 per cent in March 2025”.*

*Signalling steady momentum in industrial activity, Malaysia’s Industrial Production Index (IPI) expanded by 3.2 per cent year-on-year in March 2025, underpinned by*

higher output in the Manufacturing and Mining sectors which rose by 4.0 per cent and 1.9 per cent, respectively. However, the Electricity sector recorded a contraction of 2.7 per cent, partly offsetting overall gains. On a month-on-month basis, the IPI posted a robust increase of 9.3 per cent, reflecting short-term recovery across key sub-sectors. For the first quarter of 2025, the IPI moderated to a growth rate of 2.3 per cent compared to 3.4 per cent in the previous quarter, with the Manufacturing sector remains as the main driver, registering a 4.2 per cent expansion.

Taking a broader view, Malaysia's Services sector generated a revenue of RM630.0 billion in the first quarter of 2025, marking a 6.0 per cent year-on-year increase, with the Services Volume Index rising 5.2 per cent to 158.3 points. Quarter-on-quarter, both revenue and volume posted modest gains of 0.3 per cent and 0.5 per cent, respectively. The Wholesale and Retail Trade, Food and Beverage, and Accommodation segment remained the main driver, contributing RM475.7 billion in revenue (up 5.3 per cent) and a 4.7 per cent increase in its Volume Index to 157.2 points.

In a climate of stable economic conditions, Malaysia's inflation eased slightly to 1.4 per cent in March 2025, compared to 1.5 per cent in February, mainly due to slower price increases in personal care (3.6 %), restaurants and accommodation (2.9 %), and housing-related costs (1.9 %). For the first quarter, inflation grew 1.5 per cent year-on-year, easing from 1.7 per cent in the same quarter of 2024, reflecting moderate cost pressures across key consumer categories. On the supply side, the Producer Price Index (PPI) declined by 1.9 per cent in March, reversing the 0.3 per cent increase recorded in February. This drop was driven by contractions in Mining (-15.0 %), Manufacturing (-1.8 %), and Electricity & gas supply (-0.5 %). For the quarter, the PPI fell 0.3 per cent, continuing the downward trend from a 0.8 per cent decline in the previous quarter, signalling softening input costs across upstream sectors. In April 2025, Malaysia's inflation increased at 1.4 per cent while PPI continued to decline by 3.4 per cent.

Malaysia's trade sector continued to show resilience in March 2025, with total trade rising by 2.2 per cent to RM249.9 billion, reflecting the nation's steady integration into global supply chains despite ongoing global uncertainties. Export performance was particularly robust, climbing 6.8 per cent to RM137.3 billion, supported by sustained external demand for key commodities and manufactured goods. In contrast, imports fell by 2.8 per cent to RM112.6 billion, a shift that significantly boosted the trade balance. As a result, the trade surplus surged by 94.4 per cent year-on-year, reaching RM24.7 billion, a strong rebound that underscores improved trade dynamics. Looking at the broader picture, total trade for the first quarter of 2025 grew by 3.6 per cent, in line with gains in both exports 4.4 per cent and imports 2.8 per cent. The cumulative

effect was a 20.1 per cent expansion in the quarterly trade surplus, which widened to RM41.0 billion, reinforcing Malaysia's position as a competitive regional trading hub amid a shifting global trade environment.

Commenting on Malaysia's labour market performance, he noted that, "Labour market conditions continued to improve in the first quarter of 2025, reinforcing the economy's steady momentum. Employment rose by 3.0 per cent year-on-year, bringing the total number of employed persons to 16.7 million. The employment-to-population ratio, which reflects the economy's capacity to generate jobs, edged up to 68.6 per cent from 68.2 per cent in the same period last year. In tandem with this positive trend, the unemployment rate declined by 0.2 percentage points to 3.1 per cent, signalling stronger labour demand across key sectors. Looking at the labour demand, it remains positive, with the number of jobs in the economic sector rising by 1.4 per cent to 9.06 million jobs, up from 8.94 million jobs in Q1 2024."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted that Malaysia's Leading Index (LI) increased by 0.6 per cent year-on-year to 112.5 points in March 2025, reflecting continued economic momentum supported by robust growth in housing approvals (27.8 %) and real imports of semiconductors (22.3 %), despite a marginal monthly dip of 0.04 per cent. Although the long-term trend remained below the 100-point threshold, the index signals stable underlying conditions. This suggests Malaysia's economy is likely to sustain moderate growth, underpinned by resilient fundamentals and prudent fiscal measures.

DOSM remains committed to providing high-quality, timely, and relevant economic statistics to support the nation's development. The MESR Special Edition is now available for download on the DOSM website at [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my).

*ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.*

*Malaysia has, for the first time, successfully recorded the top position globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 198 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67<sup>th</sup> position in the ODIN 2022/23 assessment.*

*The Government of Malaysia has declared October 20<sup>th</sup> as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth*

***Emargo: Only can be published or disseminated at 1200 hour, Friday 30<sup>th</sup> May 2025***

*World Statistics Day will be celebrated on 20<sup>th</sup> October 2025, with the theme ‘Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone’ .*

*OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*


*Released by:*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**


**30<sup>th</sup> MAY 2025**

**Exhibit 1: Quaterly Economic Indicator**




### Index of Services

**5.2%**  
Q1 2025




### Volume Index of Wholesale & Retail Trade

**4.3%**  
Q1 2025




### Exports

**3.0%**  
Q1 2025




### Imports

**1.0%**  
Q1 2025



### Consumer Price Index (CPI)

**1.5%**  
Q1 2025



### Producer Price Index (PPI) Local Production

**-0.3%**  
Q1 2025

